

Syarat & Peraturan Peraduan

Penganjur & Kelayakan Mengambil Bahagian

- 1 PERADUAN NESCAFÉ® GRAND REUNION ["Peraduan"] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Pihak Penganjur"] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas pada 11/01/2010.
- 2 Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
 - [a] Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - [b] Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh

- 1 Peraduan ini akan diadakan dari 11/01/2010 ke 14/02/2010 ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

Penghantaran Borang Penyertaan & Kriteria Kelayakan

- 1 Anda layak menyertai Peraduan ini dengan setiap pembelian minuman NESCAFÉ® yang turut serta. Sila rujuk kepada Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] untuk senarai produk dan bukti pembelian ["Bukti Pembelian"] yang diperlukan untuk menyertai Peraduan ini.
- 2 Setiap borang penyertaan yang dihantar mesti diisi secara individu dan original, lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, jawapan betul untuk 3 [tiga] kenyataan BETUL/SALAH yang ditunjukkan dalam borang penyertaan dan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang dikehendaki. Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau tidak tepat, memberikan jawapan salah, atau penyertaan dengan Bukti Pembelian tidak betul dan/atau rosak akan dibatalkan.
- 3 Setiap peserta berhak layak menghantar lebih daripada 1 [satu] borang penyertaan tetapi setiap borang penyertaan mesti disertakan dengan 1 [satu] Bukti Pembelian dalam 1 [satu] sampul surat. Sampul surat yang mengandungi berbilang borang penyertaan atau Bukti Pembelian akan dibatalkan. Salinan foto borang penyertaan diterima, dengan syarat setiap satu diisi secara individu dan original.
- 4 Setiap borang penyertaan mesti dikirim/dihantar melalui pos biasa ke alamat yang dinyatakan. Borang penyertaan yang diterima menerusi penghantaran dengan tangan, khidmat kiriman cepat, Pos Laju dan/atau sebarang kaedah kiriman yang lain akan dibatalkan secara automatik. Bukti kiriman pos tidak menandakan bukti penerimaan oleh Pihak Penganjur.
- 5 Setiap borang penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diberikan bilangan nombor bersiri sewajarnya seperti yang dinyatakan dalam Jadual BP.

Hadiah-hadiah

- 1 Hadiah-hadiah bagi Peraduan ini dibahagikan kepada 2 [dua] kategori.
- 2 Kategori 1:3 [tiga] Hadiah-hadiah Utama dan Sagu Hati:
 - [a] Hadiah-hadiah Utama terdiri daripada 1 [satu] Hadiah Utama dan 2 [dua] Hadiah Sagu Hati.
 - [b] Sejumlah 3 [tiga] peserta ["Finalis"] akan dipilih untuk mengambil bahagian dalam cabaran soal & jawab ["Cabaran"] yang akan diadakan setelah berakhirnya Tempoh Peraduan. Cabaran ini akan menentukan pemenang-pemenang yang akan memenangi 3 [tiga] Hadiah-hadiah Utama.
 - [c] Jumlah nombor bersiri yang diterima bagi Tempoh Peraduan akan dibahagikan dengan 3 [tiga] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri kemenangan bagi pemilihan Finalis. Nombor bersiri yang terpilih akan merupakan nombor bulat terdekat yang rendah yang terhasil daripada pembahagian berkenaan.

Contoh:

Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Tempoh Peraduan ialah 88,865 penyertaan, maka jumlahnya akan dibahagikan 3 untuk memperolehi nombor bersiri terpilih. Penyertaan dengan nombor bersiri ke-29,621 akan dipilih sebagai nombor bersiri Finalis yang pertama, penyertaan dengan nombor bersiri ke-59,242 sebagai nombor bersiri Finalis yang ke-dua dan seterusnya.

[d] Hanya Finalis terpilih yang nama dan butir-butir masing-masing tertera pada borang penyertaan boleh mengambil bahagian dalam Cabaran. Kelayakan penyertaan tidak boleh dipindahkan sama sekali. Finalis akan dihubungi melalui telefon menurut kepada nombor telefon yang telah diberikan di dalam borang penyertaan dan akan dimaklumkan cara-cara menyertai Cabaran. Sekiranya mana-mana Finalis gagal dihubungi selepas 3 [tiga] percubaan atau ketika dihubungi, tidak bersetuju atau gagal untuk menyertai Cabaran, maka penyertaannya akan dibatalkan dan nombor bersiri lebih tinggi seterusnya akan berturutan akan dipilih sebagai Finalis gantian.

[e] Sekiranya selepas menetapkan untuk menyertai Cabaran dan pada hari Cabaran diadakan, Finalis gagal untuk menyertai, maka hadiah Finalis akan dibatalkan secara automatik.

[f] Hadiah-hadiah Utama adalah seperti berikut:

- 1 [satu] Hadiah Utama berupakan RM88,888 [Ringgit Malaysia lapan puluh lapan ribu lapan ratus lapan puluh] tunai.
- 2 [dua] Hadiah Sagu Hati berupakan RM1,000 [Ringgit Malaysia satu ribu] tunai setiap satu.

[g] Finalis dengan markah tertinggi selepas menyempurnakan Cabaran akan memenangi Hadiah Utama, 2 [dua] Finalis yang berikutnya akan memenangi Hadiah Sagu Hati setiap satu. Setiap peserta boleh memenangi hanya 1 [satu] Hadiah Utama sahaja.

- 3 Kategori 2: Hadiah Harian:

[a] Terdapat sejumlah 35 [tiga puluh lima] Hadiah Harian untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. 1 [satu] Hadiah Harian setiap hari.

[b] Jumlah nombor bersiri yang diterima pada setiap hari akan dibahagikan dengan 2 [dua] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Harian. Nombor bersiri yang terpilih akan merupakan nombor bulat terdekat yang rendah yang terhasil daripada pembahagian berkenaan.

Contoh:

Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan pada hari tersebut ialah 1,865 penyertaan, maka jumlahnya akan dibahagikan 2 untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan. Penyertaan dengan nombor bersiri ke-932 akan dipilih sebagai nombor bersiri kemenangan.

[c] Setiap pemenang akan memenangi 1 [satu] Hadiah Harian berupakan RM888 [Ringgit Malaysia lapan ratus lapan puluh lapan] tunai.

[d] Setiap peserta boleh memenangi hanya 1 [satu] Hadiah Harian sahaja. Sekiranya seseorang pemenang memenangi 2 [dua] atau lebih hadiah, maka hadiah yang berikutnya akan dimenangi oleh penyertaan dengan nombor bersiri lebih tinggi seterusnya secara berturutan.

- 4 Pemenang akan diberitahu melalui pos. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh 3 [tiga] bulan dari tarikh surat pemberitahuan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima. Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman web Pihak Penganjur [www.nestle.com.my].

- 5 Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlak, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.

- 6 Semua pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada.

Liabiliti & Tanggungjawab

- 1 Pemenang akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika bertaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diinginkan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat menyertai Peraduan ini, menuntut dan/atau menggunakan hadiah Peraduan ini dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Pihak Penganjur daripada sebarang liabiliti.
- 2 Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

Hak Penganjur

- 1 Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti tanpa memberi notis terlebih dahulu dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

Terma & Syarat

- 1 Keputusan pengadil adalah muktamad dan surat-menyerat tidak akan dilayan.
- 2 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan Peraduan ini, serta keputusan Pihak Penganjur.